

Kertas Bil. 3/2017



**PENYATA JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
MENGENAI PENGURUSAN SUMBER AIR SELANGOR
(SPECIAL SELECT COMMITTEE ON WATER RESOURCE
MANAGEMENT OF THE STATE OF SELANGOR (JPK-
SAS) BAGI DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG
“KUALITI : POST-MORTEM PENCEMARAN AIR DI
SUNGAI SEMENYIH”**

PENYATA OLEH JAWATANKUASA PILIHAN KHAS PENGURUSAN SUMBER AIR
SELANGOR (JPK-SAS), DEWAN NEGERI SELANGOR BERHUBUNG

“KUALITI : POST-MORTEM PENCEMARAN AIR DI SUNGAI SEMENYIH”

1. PENDAHULUAN

1.1. JPK-SAS telah mengadakan pendengaran tertutup pada 14hb Februari 2017 mengenai “Kualiti : Post-Mortem Pencemaran Air di Sungai Semenyih.”

2. LATAR BELAKANG

2.1. Sebagai Jawatankuasa yang bertanggungjawab untuk menyiasat sebarang isu yang berkaitan dengan pengurusan air di dalam Negeri Selangor, adalah penting untuk ahli-ahli JPK-SAS memastikan bahawa Kerajaan Negeri Selangor ada perancangan yang sempurna untuk memastikan kuantiti air terawat di Negeri Selangor adalah mencukupi untuk pengguna di Negeri Selangor.

2.2. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd, Majlis Perbandaran Kajang, Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor dan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah dipanggil untuk memberikan keterangan bagi tujuan di atas.

3. AHLI JAWATANKUASA

3.1. Y.B. Tuan Ng Sze Han ADN Kinrara	Pengerusi
3.2. Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah ADN Bangi	Ahli
3.3. Y.B. Tuan Mohd Hasnul bin Baharuddin ADN Kawasan Morib	Ahli
3.4. Y.B. Tuan Rajiv a/l Rishyakaran ADN Bukit Gasing	Ahli
3.5. Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad ADN Ijok	Ahli
3.6. Y.B. Dato' Sulaiman bin Abdul Razak, P.M.W., S.M.S., K.M.N., P.P.N. ADN Permatang	Ahli

3.7. Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah
ADN Bukit Melawati

Ahli

4. SENARAI NAMA SAKSI-SAKSI DAN KETERANGAN SAKSI

4.1. Nama saksi-saksi yang hadir ke Pendengaran Tertutup pada 14hb Februari 2017 adalah seperti di Lampiran 1.

5. KETERANGAN ISU-ISU PENTING

Ringkasan isu-isu penting adalah seperti berikut:

5.1. Air Selangor

5.1.1. Lokasi Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Semenyih ialah di Presint 19, Putrajaya.

5.1.2. Terdapat 6 henti tugas yang dilakukan sepanjang 22 September 2016 hingga 29 Oktober 2016. Jadual mengenai henti tugas dan kesan terhadap pengeluaran LRA adalah seperti berikut:

Status Penutupan & Pengoperasian LRA Semenyih 2016							
Henti tugas		No.1	No.2	No.3	No.4	No.5	No.6
Penutupan	Tarikh	22 Sept	23 Sept	24 Sept	4 Okt	23 Okt	28 Okt
	Waktu	Jam 1730	Jam 1330	Jam 0915	Jam 1010	Jam 0730	Jam 1615
Bau Air Mentah		4 TON	2 TON	3 TON	3 TON	3 TON	3 TON
Pengoperasian Semula	Tarikh	23 Sept	24 Sept	24 Sept	4 Okt	24 Okt	29 Okt
	Waktu	Jam 0300	Jam 0100	Jam 1430	Jam 2240	Jam 1330	Jam 0315
Tempoh	Jam	14	15	8.75	14	30	11
Pengurangan Pengeluaran	JLH	187.1 (27%)	303 (44%)	84.5 (12.3%)	325.74 (47.25%)	899.3 (125%)	218 (30%)
Punca Pencemaran	Aktiviti kilang haram di Batu 22 ¼ Kampung Jalan Sungai Lalang					Pembuangan haram di KM 45.9 Lebuhraya Elite mengalir ke Sg. Buah	

5.1.3. Air Selangor menerangkan mengenai kronologi penemuan lokasi punca pencemaran baru yang kemudian membawa kepada henti tugas 1-4.

a. 03 Oktober 2016

- i. Jam 2245: Asap berbau dikesan di sekitar RMS 2
- ii. Jam 2300: Bacaan 6 TON di RMS 2 (Point D)

b. 04 Oktober 2016

- i. Jam 0130: Lokasi pencemaran dikesan
- ii. Laporan kepada JAS Kajang dibuat untuk tindakan
- iii. Jam 0245: LUAS membuat laporan polis
- iv. Jam 0830: Penguatkuasa MPKj bersama Pegawai Daerah Hulu Langat memecah masuk premis yang disyaki
- v. Serbuan diketuai YAB Dato' Menteri Besar, LUAS, PTD Hulu Langat dan Air Selangor ke kilang memproses kitar semula minyak angin, penapis minyak, barangan plastik.
- vi. Lokasi kilang tersebut (SR Building Material) di Lot 1571, Batu 22 ¼ Kampung Jalan Sungai Lalang dan beroperasi di tapak berstatus pertanian

c. 26 Oktober 2016

- i. 4,600 Tan tanah tercemar dihantar ke pelupusan sisa.
- ii. PTD telah merampas lot tanah berkenaan
- iii. Proses perundangan telah dijalankan oleh LUAS, DOE

5.1.4. Bagi henti tugas 5 (23 Oktober 2016-24 Oktober 2016), Air Selangor menyatakan bahawa pemantauan yang dibuat di KM45.9 Lebuhraya Elite menemui kesan 'solvent' di lereng bukit. Kesan ini menunjukkan bahawa sisa buangan tersebut memasuki aliran air sungai di bawahnya. Sebelum itu, bau 22 ton dikesan di tapak apabila sungai dari Xiao En Memorial Park disusuri pada jam 1745.

5.1.5. Tindakan Kawalan Berperingkat yang telah diambil oleh pihak Air Selangor, adalah seperti berikut:

a. Kawalan peringkat 1 (24.10.2016):

- i. Membina ban di Sg Buah untuk menyekat aliran air tercemar dari mengalir ke Sg Semenyih

b. Kawalan peringkat 2 (25.10.2016):

- i. Mengepam keluar air tercemar menggunakan lori tangka (PBT, IWK)
- ii. Mengepam air Sg Buah yang tercemar ke kolam berdekatan (Luas, JPS)

- iii. Unit Pengurusan Bencana Selangor mengambilalih tugas penyelarasan (27.10.2016)

c. Kawalan peringkat 3 (27.10.2016):

- i. Membina beberapa ban tambahan dan menyahkan bau menggunakan Activated Carbon (PAC, GAC)
- ii. Meletakkan PAC dan GAC di lokasi punca (Elite km 45.9 dan longkang R&R Nilai)
- iii. PLUS meletakkan konkrit blok di lorong kecemasan km 45.9

5.1.6. Air Selangor memberi analisa punca pencemaran seperti berikut:

a. Henti Tugas 1-4

Parameter	Sampel dari Lokasi Kilang (4 Okt 2016)	Sample Air dari RMS 3 (4 Okt 2016, Jam 0550) 6 TON	Intake LRA Semenyih (4 Okt 2016, Jam 1030) 8 TON
Ethyl Acetate , ppm (ScienceLab MSDS, Odor Threshold: 3.9ppm)	486,000 (48.6%)	150 ppm	240 ppm
<i>Kandungan Ethyl Acetate sejenis pelarut industri telah dikesan di dalam semua sampel</i>			

b. Henti Tugas 5-6

Parameter	Sampel Tanah Km 45.9 ELITE (23 Okt 2016, Jam 1600)	Air dari 'Main Drain Sump' (23 Okt 2016, Jam 1500) 22 TON	Air dari Sg Buah (23 Okt 2016, Jam 0800) 6 TON	Air dari Mukasauk Semenyih (23 Okt 2016, Jam 0800) 4 TON
4-bromo diphenyl ether,	10.8	0.187	0.083	0.036

ppm				
Total Petroleum Carbon, ppm (Standard A, Effluent, 1ppm)	27.53	0.913	1.304	0.991

5.1.7 Terdapat 3 tindakan utama yang diambil oleh peringkat tertinggi negeri, seperti berikut:

- a. Pertemuan antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar pada 26hb Okt 2016
- b. Penubuhan Jawatankuasa Bersama untuk menangani masalah pencemaran sungai
- c. Siasatan bersama antara agensi negeri (LUAS) dan Pusat (JAS) diselaraskan.

5.1.8 Sebanyak 456 kawasan dan 361,469 akaun yang terjejas disebabkan penutupan LRA Sg. Semenyih ini. Pecahan kawasan dan akaun mengikut wilayah adalah seperti berikut:

Wilayah	Jumlah Kawasan	Jumlah Akaun
Petaling	60	129,872
Hulu Langat	220	121,132
Kuala Langat	90	49,474
Sepang	86	60,991
Jumlah	456	361,469

5.1.9 Air Selangor telah mendapat 16 tanker bantuan air untuk henti tugas 1-4 dan 21 tanker bantuan air untuk henti tugas 5. Pecahan tanker bantuan mengikut agensi adalah seperti berikut:

BIL.	AGENSI	Hentitugas 1- 4	Hentitugas 5
		Bilangan	Bilangan
1	Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP)	1	1
2	Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS)	2	-
3	Syarikat Air Melaka Bhd (SAMB)	2	-
4	Air Kelantan Sdn Bhd (AKSB)	1	1
5	Syarikat Air Darul Aman (SADA)	2	2
6	Lembaga Air Perak (LAP)	2	2
7	Syarikat Air Johor (SAJ)	2	1
8	Perbadanan Bekalan Air P. Pinang (PBA)	1	1
9	Syarikat Air Terengganu (SATU)	1	1
10	Angkatan Tentera Malaysia (ATM)	2	1
11	Tanker Sewa	-	11
	JUMLAH	16	21

5.1.10 Namun begitu, Air Selangor menyatakan bahawa bilangan sebenar tanker yang diperlukan mengikut skala gangguan henti tugas ialah 909 buah.

5.1.11 Air Selangor turut menyediakan Tanker Jumbo yang dikhaskan sebagai 'feeder' kepada tanker-tanker yang bersaiz lebih kecil bagi mempercepat dan memendekkan masa perjalanan ulang-alik tanker kecil untuk mengisi dan menghantar air kepada pengguna. Jumlah tanker jumbo/tanker statik mengikut wilayah adalah seperti berikut:

WILAYAH	Hentitugas 1 - 4	Hentitugas 5
	Bilangan	Bilangan
Petaling	13	7
Hulu Langat	15	21
Kuala Langat	15	20
Sepang	24	25
JUMLAH	67	73

5.1.12 Bekalan air botol RO turut diedarkan mengikut wilayah, seperti berikut:

WILAYAH	Hentitugas 1 - 4	Hentitugas 5
	Bilangan	Bilangan
Petaling	6,000	3,264
Hulu Langat	5,000	768
Kuala Langat	3,000	-
Sepang	3,000	-
JUMLAH	17,000	4,032

5.1.13 Air Selangor menerangkan bahawa mereka mengguna pakai Konsep Pemulihan Berjadual yakni pembekalan air adalah berdasarkan pengagihan 2 hari ada air dan 2 hari tiada air dibekalkan. Penjadualan yang sedia ada sentiasa disemak dan dikemas kini daripada masa ke semasa berdasarkan pengeluaran semasa bekalan air daripada LRA.

5.1.14 Berikut merupakan impak Pemulihan Berjadual yang telah dilaksanakan oleh Air Selangor:

- a. Pemulihan berterusan dapat disalurkan kepada premis kritikal seperti hospital dan universiti.
- b. Pemulihan keseluruhan kawasan terlibat adalah lebih cepat iaitu 7.25 hari berbanding 13.5 hari.
- c. Berdasarkan rekod, panggilan masuk daripada pengguna adalah lebih rendah iaitu 6,000 / hari berbanding 11,000 / hari.
- d. Keperluan tanker dapat ditumpukan ke kawasan yang sepatutnya mendapat bekalan air.
- e. Mengurangkan kawasan-kawasan yang tidak mendapat bekalan air dalam tempoh yang panjang.
- f. Pengguna mendapat bekalan air dengan lebih sempurna melalui saluran paip.
- g. Pengguna dapat bersedia dan mengetahui jadual agihan.

5.1.15 Air Selangor menyatakan bahawa mereka menerima sebanyak 232,131 jumlah panggilan dan 26,475 jumlah aduan LRA Semenyih sepanjang 6 henti tugas yang dijalankan berikutan pencemaran Sungai Semenyih tersebut.

5.1.16 Sejumlah 2941 orang individu yang telah terlibat secara langsung sebagai tenaga kerja dalam keseluruhan gerak kerja yang melibatkan henti tugas 1-6.

5.1.17 Berikut merupakan Tindakan Penambahbaikan bagi **Khidmat Pelanggan & Pusat Panggilan** yang akan dibuat oleh Air Selangor jika berada dalam situasi yang sama di masa akan datang:

- i. Meningkatkan penghantaran SMS daripada 314,969 kepada 540,103
- ii. Kemaskini maklumat *mySYABAS*, *WhatsApp*, *FB* & *Twitter* secara konsisten
- iii. Meningkatkan pemantauan permohonan bantuan air melalui tanker: *WhatsApp* antara wilayah bagi mengurus pergerakan tanker secara lebih sistematik
- iv. Menambah jaringan kumpulan WhatsApp daripada 226 ke 446
- v. Koordinasi antara Pusat Khidmat Sementara dan stesen 'Jumbo Tanker' : memastikan agihan air dilakukan secara adil kepada pengguna terlibat.

5.2. Majlis Perbandaran Kajang (MPKj)

5.2.1. Berdasarkan Rancangan Tempatan MPKj 2020, MPKj menerangkan bahawa terdapat 31 anak sungai utama bagi Sungai Langat dan 14 anak sungai utama bagi Sungai Semenyih.

SUNGAI	KELULUSAN MAJLIS	BILANGAN KELULUSAN	
		ADA	TIADA
Sungai Semenyih (58 kilang/premis)	Kebenaran Merancang	8	50
	Pelan Infra	-	58
	Pelan Bangunan	6	52
	Kelulusan Lesen	18	40
Sungai Langat (89 kilang/premis)	Kebenaran Merancang	14	75
	Pelan Infra	-	-
	Pelan Bangunan	13	76
	Kelulusan Lesen	26	63

5.2.2 Terdapat 58 buah kilang/premis di sepanjang Sungai Semenyih. Manakala, terdapat 89 buah kilang/premis di sepanjang Sungai Langat. Jadual berikut menunjukkan status kelulusan kilang-kilang dan premis terbabit:

5.2.3. MPKj menyatakan bahawa terdapat 10 jenis aktiviti kilang-kilang yang berada di sepanjang Sungai Semenyih dan Sungai Langat. Aktiviti tersebut ialah:

BIL	ZON GUNATANAH	SUNGAI SEMENYIH	SUNGAI LANGAT
1.	Perindustrian	27	36
2.	Kediaman	20	13
3.	Perniagaan dan Perkhidmatan	2	8
4.	Institusi dan Kemudahan Masyarakat	3	-
6.	Kawasan Lapang dan Rekreasi	1	8
7.	Rezab Sungai (1 kilang ada hakmilik)	5	10
8.	Rezab Sungai/Industri	-	5
9.	Rezab Sungai/Perumahan	-	3
10.	Rezab Sungai/Perniagaan dan Perkhidmatan	-	1
11.	Zon Enterprise	-	5
JUMLAH		58	89

5.2.4. MPKj turut memberi maklumat zon guna tanah kilang/premis sepanjang Sungai Semenyih dan Sungai Langat, seperti berikut:

BIL	ZON GUNATANAH	SUNGAI SEMENYIH	SUNGAI LANGAT
1.	Perindustrian	27	36
2.	Kediaman	20	13
3.	Perniagaan dan Perkhidmatan	2	8
4.	Institusi dan Kemudahan Masyarakat	3	-
6.	Kawasan Lapang dan Rekreasi	1	8
7.	Rezab Sungai (1 kilang ada hakmilik)	5	10
8.	Rezab Sungai/Industri	-	5
9.	Rezab Sungai/Perumahan	-	3
10.	Rezab Sungai/Perniagaan dan Perkhidmatan	-	1
11.	Zon Enterprise	-	5
JUMLAH		58	89

5.2.5. MPKj memaklumkan bahawa tindakan perobohan 4 buah kilang di atas rezab Sungai Semenyih telah dilakukan secara bersepadu antara pihak MPKj, PTDHL, Polis, TNB dan Syabas. Sebanyak 4 kilang yang berada di atas rezab Sungai Semenyih telah dirobuhkan yang diketuai oleh Pejabat Tanah dan Daerah Hulu Langat. Berikut merupakan maklumat perobohan kilang-kilang terbabit:

	NAMA KILANG	ZON GUNATANAH/ STATUS TANAH	JENIS AKTIVITI	TARIKH ROBOH
1	-	Rezab Sungai	Pengumpulan wayar elektrik	07 Disember 2016
2	Animkemee Enterprise	Rezab Sungai	Membuat perabot	15 Disember 2016

3	Fakhun Enterprise	Rezab Sungai	Kilang memproses ayam	20 Disember 2016
4	Brick Dech Enterprise	Rezab Sungai	Membuat batu bata	21 Disember 2016

5.2.6 MPKj menyatakan bahawa tindakan undang-undang yang lain iaitu mengeluarkan notis, memberi kompaun dan membuat laporan polis telah dilakukan terhadap premis dan kilang yang bermasalah. Berikut merupakan laporan penguatkuasaan di sepanjang Sungai Semenyih 2016 dan Sungai Langat 2017:

BIL.	JABATAN	SUNGAI SEMENYIH			SUNGAI LANGAT		
		JUMLAH NOTIS	JUMLAH KOMPOUN	LAPORAN POLIS	JUMLAH NOTIS	JUMLAH KOMPOUN	LAPORAN POLIS
1.	Perancangan Pembangunan	49	-	-	35	-	-
2.	Kawalan Bangunan	60	49	-	43	42	-
3.	Kejuruteraan	4	2	-	-	2	-
4.	Perlesenan dan Penjaja	16	-	-	-	-	-
5.	Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam	-	15	-	-	33	-
6.	Penguatkuasaan	2	18	1	-	26	-
JUMLAH		131	84	1	78	103	-

5.3 Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)

5.3.1 LUAS telah melakukan sepuluh langkah utama berkenaan isu pencemaran Sg. Semenyih. Berikut merupakan langkah-langkah tersebut:

- a. Siasatan tapak bersepadu dan pensampelan oleh LUAS.
- b. Pemantauan statik di beberapa kawasan yang disyaki terlibat (6 kawasan).
- c. Pensampelan dilakukan setiap 1 jam selama tempoh 24 jam.
- d. Kertas siasatan telah dirujuk YB PUU Negeri Selangor dan kini diperingkat semakan Pejabat Peguam Negara Putrajaya
- e. 4700 tan tanah tercemar telah dikeluarkan dan dilupuskan oleh Kualiti Alam
- f. Melakukan pembangunan inventori punca pencemaran Sungai Semenyih
- g. Pelantikan perunding untuk maklumat terperinci inventori potensi punca pencemaran dalam Tahun 2017
- h. Cadangan pemasangan stesen pemantauan tambahan di Lembangan Sg. Langat dan sublembangan Sg Semenyih pada tahun 2017.
- i. Mesyuarat Lembaga Pengarah LUAS telah meluluskan beberapa tambahan kakitangan terutama penguatkuasaan. Tambahan 21 orang kakitangan telah melapor diri pada 2 Feb 2017.

5.4 Saranan oleh Ahli MMKN, Air Selangor, MPKj, LUAS dan JAS

5.4.1 Ahli MMKN, YB Elizabeth Wong

- a. Langkah pencegahan dan merawat pencemaran sungai merupakan proses yang berterusan.
- b. Buat masa kini, skim pemutihan kilang haram telah selesai tempoh masanya.
- c. Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) hendaklah mengambil tindakan serta-merta untuk membersihkan tapak-tapak kilang.
- d. Kawasan-kawasan industri yang ditetapkan memerlukan pemantauan yang lebih gigih.
- e. Kebiasaannya, semua pihak akan bergegas ke tapak-tapak tersebut apabila terdapat bencana.

- f. 90% daripada pencemaran air sungai bukan dari kawasan industri terkawal.
- g. Masalahnya, bidang kuasa untuk menangani isu pencegahan pencemaran sungai melibatkan pelbagai agensi kerajaan yang berbeza-beza.
- h. EXCO Alam Sekitar berpendapat bahawa objektif-objektif perlu ditetapkan kerana adalah amat sukar untuk menghentikan pencemaran. Kepakaran adalah amat diperlukan untuk menangani isu pencegahan air sungai.

5.4.2 Saranan oleh Air Selangor

- a. Air Selangor berpendapat bahawa Kerajaan Negeri hendaklah mengkaji dan mengenal pasti semua sumber air yang berpotensi sebelum melaksanakan tindakan pencegahan pencemaran sungai.
- b. Bagi menangani pembekalan air yang mencukupi, Air Selangor mencadangkan mengenal pasti sumber air *storm water*. Akibat perubahan iklim, tidak banyak air hujan yang turun ke kawasan tadahan hujan.
- c. Air Selangor juga berpendapat untuk memastikan bekalan air yang mencukupi kepada pengguna satu usaha yang menekankan penambahbaikan kualiti air hendaklah dititikberatkan selain daripada tindakan penguatkuasaan yang sering dilaksanakan.

5.4.3 Saranan oleh MPKj

- a. Pencegahan adalah lebih baik daripada perawatan.
- b. Pelbagai agensi kerajaan hendaklah sedar akan tugas dan tanggungjawab masing-masing.
- c. Isu kilang haram tidak dapat diselesaikan kerana kebanyakan pencemaran tidak dapat dikenal pasti punca pencemaran. Secara amnya, pencemaran di kawasan industri terancang adalah terkawal.
- d. Oleh itu, tindakan pengawalan aktiviti yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri tidak mencukupi dan satu tindakan yang lebih drastik dan konkrit diperlukan terhadap aktiviti kilang haram.

5.4.4 Saranan oleh Jabatan Air Selangor (JAS)

- a. JAS berpendapat bahawa perundangan yang sedia ada bagi agensi Kerajaan adalah mencukupi untuk mengawal punca-punca pencemaran. Walau bagaimanapun, langkah penguatkuasaan oleh agensi kerajaan merupakan satu perkara yang biasa dan

- langkah yang lebih daripada penguatkuasaan adalah diperlukan.
- b. Jika Kerajaan Negeri hanya ingin bergantung kepada langkah pencegahan pencemaran sungai melalui penguatkuasaan, Kerajaan Negeri hendaklah menghadkan total *load* harian pembangunan ke dalam sungai.
 - c. JAS juga berpendapat bahawa pencegahan pencemaran sungai tidak boleh dilihat dari sudut penguatkuasaan/perundangan semata-mata.

5.4.5 Saranan oleh LUAS

- a. Kerajaan Negeri dan pelbagai agensi kerajaan hendaklah menjalankan tanggungjawab pengawalan masing-masing.
- b. LUAS berpendapat bahawa SOP setiap agensi kerajaan hendaklah dinilai semula untuk memastikan agensi kerajaan tersebut bersedia menghadapi dan menangani isu pencegahan pencemaran sungai.
- c. LUAS mempunyai rancangan memerangkap "storm water" melalui HORAS 3000 memandangkan kawasan tadahan air hujan kurang memuaskan.
- d. Persepsi orang awam terhadap kualiti air sungai adalah tidak tepat kerana kualiti air sungai semakin meningkat kerana pengawalan menggunakan *River Quality Index*.


6. SARANAN JAWATANKUASA

- 6.2. Kerajaan Negeri hendaklah membuat keputusan sama ada Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan ataupun LUAS yang akan bertanggungjawab memeriksa kilang berlesen secara berkala bagi memastikan operasi kilang tersebut tidak mencemari alam sekitar.
- 6.3. Kerajaan Negeri melalui Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah memastikan hanya kilang yang mempunyai kebenaran sahaja dapat menyalurkan pembuangan cecair ke dalam sistem perparitan yang mempunyai *catchment* pembuangan cecair. Kilang-kilang lain yang tidak mempunyai kebenaran hendaklah menyalurkan pembuangan cecair ke dalam IWK.
- 6.4. Kerajaan Negeri hendaklah menggalakkan LRA-LRA supaya dilengkapi dengan kolam-kolam simpanan air mentah (*off river storage*) yang mempunyai kapasiti simpanan air mentah antara 3-7 hari.

- 6.5. Kerajaan Negeri hendaklah menentukan berapa banyak kilang-kilang berlesen yang perlu ditutup setelah menerima tiga kompaun disebabkan tidak mematuhi syarat alam sekitar. Kerajaan Negeri juga hendaklah membuat keputusan sama ada Jabatan Alam Sekitar, Pihak Berkuasa Tempatan ataupun LUAS yang akan menguatkuasakan syarat alam sekitar.
- 6.6. Kerajaan Negeri hendaklah menghentikan catuan air berdasarkan Konsep Pemulihan Berjadual yakni pembekalan air adalah berdasarkan pengagihan 2 hari ada air dan 2 hari tiada air dibekalkan. Proses pemulihan air hendaklah diuruskan supaya kawasan kritikal menerima bekalan air terdahulu.

Penyata ini telah disediakan oleh Y.B. Tuan Ng Sze Han, Pengerusi JPK-SAS dan telah dibincangkan serta diluluskan oleh Ahli-ahli JPK-SAS di mesyuarat JPK-SAS pada 28hb Februari 2017.

Disahkan oleh :



.....
Y.B. Tuan Ng Sze Han

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Pengurusan Sumber Air Negeri
Selangor

URUS SETIA:

- | | |
|--------------------------------------|-----------------------------|
| 1. Puan Elya Marini binti Darmin | Setiausaha Bahagian (Dewan) |
| 2. Puan Teepah A/p Athimoolam | Penolong Setiausaha (Dewan) |
| 3. Cik Apsara A/p Muraledharan | Pegawai Penyelidik |
| 4. Puan Nur Adilla binti Abdul Rahim | Pegawai Penyelidik |
| 5. Puan Izan binti Mohamad Taib | Pembantu Tadbir |

LAMPIRAN 1*Senarai Saksi*

Ahli MMKN

- 1) Puan Elizabeth Wong Keat Ping
Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna

Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.

- 1) Tuan Ir. Abas bin Abdullah
Ketua Pegawai Operasi
- 2) Encik Abdul Karim bin Endut
Ketua Jabatan Kualiti Air & Perkhidmatan Makmal

Majlis Perbandaran Kajang

- 1) Tuan Mohd Sayuthi bin Bakar
Yang Dipertua
- 2) Y.Bhg Datuk Nizam bin Sahari
Pemangku Timbalan Yang Dipertua
- 3) Puan Nursilawati binti Abd Rahim
Pegawai Perancang Bandar dan Desa

Jabatan Alam Sekitar Negeri Selangor

- 1) Puan Siti Zaleha binti Ibrahim
Pengarah
- 2) Encik Azlan bin Ahmad
Ketua Penolong Pengarah Kanan

Lembaga Urus Air Selangor

- 1) Encik Nor Zamri bin Sondor
Pemangku Pengarah
- 2) Encik Muhamad Khairi bin Jalil
Jurutera
- 3) Encik Ishak bin Kamaruzaman
Pegawai Penerangan
- 4) Encik Mohd Nafizi bin Nawawi
Pegawai Kawalan Alam Sekitar